

**WARISAN BUSANA KIMARAGANG: RAGAM HIAS
SABUNG KINALING
KIMARAGANG FASHION HERITAGE: DECORATIVE
VARIETY OF SABUNG KINALING**

NORDIANA NASUHA MOLINKA

Jabatan Muzium Negeri Sabah

Jalan Muzium, 88300 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

Corresponding author: dianamolinka@gmail.com

Tarikh dihantar: 25 November 2023 | Tarikh diterima: 23 Disember 2023 | Tarikh terbit: 31 Disember 2023

DOI: <https://doi.org/10.51200/ejk.v29i.3774>

ABSTRAK Busana tradisional merupakan salah satu warisan dari leluhur sesebuah masyarakat yang telah wujud sejak zaman berzaman. Warisan budaya reka bentuk dan aksesori dalam pengayaan busana tradisional Dusun Kimaragang terutamanya dalam *sabung kinaling* menunjukkan bahawa masyarakat pada zaman dahulu sudah mempunyai ilmu dan mempunyai daya kreativiti yang tinggi. Biasanya, masyarakat Dusun Kimaragang memakai busana tradisional semasa musim perayaan, keraian dan upacara berkaitan adat membuktikan yang masyarakat ini masih berpegang kepada budaya yang diwarisi. Fokus kajian ini adalah berkaitan dengan reka bentuk busana *kinaling* yang popular dalam kalangan masyarakat Kimaragang terutamanya di kawasan Pitas. Sehubungan dengan itu, kajian ini dilakukan menggunakan kaedah temu bual dan perbandingan busana koleksi peribadi yang telah berusia lebih dari lapan dekad milik keluarga besar Encik Molinka Buling. Diharapkan, dalam usaha memartabatkan budaya Dusun Kimaragang kajian seumpama ini dapat memberikan data terbaharu, penjelasan dan pencerahan terkini terhadap pakaian tradisional masyarakat ini di Sabah.

Kata kunci: Busana tradisional, Dusun Kimaragang, budaya, Kaamatan, *kinaling*.

ABSTRACT Traditional clothes are rooted in the past worn by an identifiable group of people and have high value in the culture of a society. The traditional fashion style of Dusun Kimaragang especially in *sabung kinaling* shows that the old society had knowledge and had a high creativity. Nowadays, the people of Dusun Kimaragang wear their traditional clothing during festival seasons such as harvest festivals, wedding ceremonies and ritual events proving that the people group still inherited culture. The main focus of this

study is the kinaling design. Therefore, this study was conducted using an interview method and a comparison of the clothes collection belonging to the extended family of Mr Molinka Buling. Hopefully, the study will be able to give up-to-date information as well as explanations and enlightenment on the issue of Dusun Kimaragang traditional clothing in Sabah.

Keywords: *Traditional clothes, Dusun Kimaragang, Culture, Kaamatan, Kinaling.*

PENGENALAN

Busana *kinaling* merujuk kepada pakaian tradisional yang dipakai oleh perempuan yang dipadankan dengan *tapi* (*skirt*). Selain dikenali sebagai *Kinaling* ia juga dikenali sebagai ‘baju sampit’ oleh masyarakat tradisional Kimaragang kerana konsep *sabung kinaling* adalah sempit dan hanya dapat memasukkan *titimad* (peralatan kepala yang diperbuat daripada bilah buluh/bambu) (Norlina Molinka, 23 September 2022). Perbincangan dalam kajian ini adalah menjurus kepada busana *kinaling* termasuk aksesori yang digunakan dalam pemakaian pakaian tradisi tersebut yang terdapat di Kg. Salimpodon Darat, Pitas.

OBJEKTIF KAJIAN

Masyarakat Dusun Kimaragang sering memakai pakaian tradisi pada majlis-majlis keramaian dan acara-acara tertentu seperti *kokotuan* (Pesta Menuai), perkahwinan dan acara berkaitan adat. Walaupun demikian masyarakat kurang mengetahui keistimewaan busana yang mereka peragakan. Oleh itu, kajian terhadap *sabung kinaling* (baju *kinaling*) dan *tapi* (*skirt*) dijalankan untuk mendapatkan data dan maklumat terperinci berkaitan busana tradisional berkenaan. Antara objektif kajian dilakukan adalah seperti mengenal pasti corak dan motif asas yang terdapat pada *sabung kinaling*. Pengkelasan ciri khas pada *sabung kinaling* amat penting dalam memartabatkan busana tersebut supaya tidak ditelan zaman. Selain itu, kajian ini dijalankan untuk menganalisis perubahan busana tradisional *kinaling* dahulu dan sekarang. Perbandingan antara koleksi *sabung kinaling* membantu dalam menganalisis perubahan dekorasi sulaman dan aksesori perhiasan tambahan. Seterusnya,

menyalurkan maklumat yang tepat kepada masyarakat terutamanya masyarakat Dusun Kimaragang.

KAJIAN LEPAS

Dusun Kimaragang termasuk dalam rumpun *Dusunic* dan populasi masyarakatnya telah mencapai sehingga 120 000 orang (Denis J. Sading *et.al*, 2019; Berita Wilayah, 20 Ogos 2023; Kroger, 2005: 397-428; Topin, 1996:4). Diketahui bahawa etnik tersebut juga merupakan salah satu kumpulan masyarakat yang berhijrah daripada kawasan petempatan Nunuk Ragang yang berlangsung sekitar 1415-1743 (Kurz, 2018:45; Saimin Ginsari, 2022:46-49) di kawasan perairan Sungai Kogibangan (kiri) dan Sungai Kowananan (kanan). Penghijrahan berlaku akibat daripada faktor peperangan dan perbalahan sesama (Shim, 2007:151), kepadatan penduduk dan wabak penyakit (Topin, 1996:4) pada sekitar abad ke-18 (Saimin Ginsari, 2022).

Sejarah telah menjadikan masyarakat Dusun Kimaragang terbahagi kepada dua kumpulan utama iaitu kumpulan yang menghuni kawasan Kota Marudu-Tandek dan Kawasan Pitas-Koromoko (Peta 1)¹ (Lilian Lee, *et.al.*, 2022: 1-13; Pangayan & Shafii, 2021; Maun & Uqbah Iqbal, 2016; Damilan, 2017; Pangayan, 2016; 242-246; Jacqueline Pugh-Kitingan, 2015).

Oleh yang demikian, kedua-dua kumpulan tersebut mempunyai busana tradisional yang tersendiri iaitu busana *lapoi* dan *sinudot* untuk masyarakat Kota Marudu-Tandek (Pangayan, 2016; 242-246) dan masyarakat Dusun Kimaragang Pitas-Koromoko lebih mendominasi pemakaian busana *kinaling* dan *sinudaan* (Unun Buang, 2 Jun 2023). Perbezaan tersebut berlaku akibat daripada pengaruh dan silang budaya antara masyarakat Dusun Kimaragang dengan masyarakat yang berada disekitarnya seperti masyarakat Rungus dan Tombonuo, Tobilung, Gana dan Talantang (Shim, 2007:82-219; Nyoman Utari Vipriyanti, 2008; 1-7; Azrul Affendy Sobry, 2012, 8-9; Rahim Affandi, 2013; 223-245; Maun & Iqbal, 2016: 158; Saimin Ginsari, 2022). Kini, seluruh masyarakat Dusun Kimaragang mengiktiraf *sabung Kinaling*, *Sinudaan*, *Lapoi*

¹ Masyarakat Dusun Kimaragang di Kawasan Kota Marudu-Tandek diketuai oleh Aki Tumunda yang meneruskan pengaruh ayahnya iaitu Aki Onggonit, manakala Aki Pamansah selaku anak sulung mencari tanah baharu di kawasan Pitas-Koromoko.

dan *Sinudot* sebagai busana kebudayaan bangsa mereka yang mempunyai sejarah, teladan serta simbolik bernilai estetika dan mempunyai aura tersendiri kepada kesatuan dan perpaduan bangsa Dusun Kimaragang.

Berkaitan dengan kajian busana tradisi di Sabah, para pengkaji lebih berminat meneliti kesenian dan ragam hiasan terhadap busana seperti pakaian tradisi Suang Lotud, Rungus, Murut dan Kadazan Penampang (Jusilin & Kindoyop, 2016; Yoon, 2018; Juslin, Ismail Ibrahim & Teou, 2019; Ezura *et.al*, 2022). Namun, perbincangan berkenaan dengan motif dan ragam hias *sabung kinaling* hanya dikaji secara sepintas lalu (Pangayan, 2014; 2017; 242-246; Pangayan & Shafii, 2020). Kekurangan kajian dan pendokumentasian menyebabkan masyarakat tidak mendapat maklumat yang cukup berkaitan dengan *sabung kinaling*. Maka dengan adanya makalah seumpama ini diharapkan dapat memberikan data dan maklumat kepada masyarakat dan sebagai rujukan para penyelidik serta golongan sarjana.



Peta 1 Kawasan petempatan masyarakat Dusun Kimaragang
Sumber: Victor B. Pangayan & AS. Hardy Shafii (2021)

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dilakukan dengan menggunakan kaedah kajian di lapangan dengan mengaplikasikan kaedah perbandingan dekorasi busana dan temubual kepada beberapa individu yang berpengalaman serta aktif sebagai pembuat busana tradisional di Kg. Salimpodon Darat, Pitas. Antaranya adalah Puan Julia Inotol (65 tahun), Puan Ayunan Pangi (74 tahun), Puan Norlina Molinka (42 tahun) dan Puan Jurika Inotol (46 tahun). Mereka adalah penggiat busana tradisional dan banyak menerima tempahan dari seluruh pelusuk Sabah sehingga ke luar Malaysia iaitu Australia (Juliah Inotol, 25 Julai 2022). Selain aktif dalam pembuatan busana tradisional, kampung tersebut turut aktif dalam pelbagai aktiviti kebudayaan Dusun Kimaragang seperti tarian kebudayaan (*pinakang* dan *momiluk*). Tambahan pula, busana tradisional yang tertua terdapat di kampung tersebut simpanan keluarga En. Molinka Buling (64 tahun) dan simpanan Puan Ayunan Pangi. Bagaimana pun, berkemungkinan besar terdapat busana yang telah berusia disimpan rapi oleh ahli masyarakat Dusun Kimaragang yang masih belum direkodkan.

DAPATAN KAJIAN

Busana tradisional *kinaling* diperbuat daripada kain berwarna hitam yang bersesuaian seperti satin, kashibo atau kain kapas (Juliah Inotol, 25 Julai 2022; Maun & Iqbal, 2016: 158). Pemotongan kain busana adalah ringkas dan hanya menggunakan bentuk asas iaitu segitiga dan segi empat tepat. Konsep asas dalam busana berkenaan adalah '*suda*' iaitu merujuk kepada kekek (*gusset*) dan pesak (*gore*) atau lebih dikenali sebagai anak baju (Norlina Molinka, 27 Julai 2022; Asliza Aris, 2015: 306-317).

Kajian ini melibatkan 15 helai busana yang terpilih daripada lebih 50 helai *sabung kinaling* untuk tujuan dokumentasi bergambar. Sebanyak tiga helai busana tertua (Foto 1) yang menjadi sumber rujukan dan inspirasi dalam pembuatan *sabung kinaling* di Kg. Salimpodon Darat, Pitas. Busana bernombor satu merupakan busana paling tua yang telah berusia lebih daripada 80 tahun koleksi pusaka milik keluarga mendiang Liuh OT Suabon (meninggal pada 1996 pada usia 60 tahun) kini disimpan oleh anaknya, Molinka Buling.

Busana tersebut mengalami banyak kerosakkan kerana benang sulam telah banyak reput dan labuci yang dipasang juga rosak.

Sungguhpun demikian, ia masih mampu menunjukkan ciri-ciri asas *sabung kinaling* yang harus ada pada busana tersebut. Busana bernombor dua dan tiga adalah koleksi Puan Ayunan Pangi yang diwarisi daripada ibu bapa dan ibu mentua beliau. Busana nombor empat adalah hasil karya Puan Norlina dengan bantuan neneknya (mending Liuh OT Suabon) yang berusia lebih daripada 30 tahun. Manakala *sabung kinaling* bernombor lima hingga lapan adalah hasil karya terawal Puan Julia (64 tahun) yang sudah berusia lebih kurang 20 tahun dan kini disimpan kerana sudah lusuh atau rosak. Sebanyak tujuh helai busana pada Foto 2 adalah koleksi karya terkini yang dihasilkan oleh individu berbeza.



Foto 1 *Sabung kinaling* yang berusia lebih daripada 70 tahun sehingga lebih daripada 20 tahun.

Sumber: Gambar Koleksi Penulis



Foto 2 Antara *Sabung kinaling* masa kini
Sumber: Gambar Koleksi Penulis

Aksesori Hiasan Pemakaian *Sabung Kinaling*

Pemakaian busana tradisional masyarakat Kimaragang menggunakan aksesori tambahan lain yang diperbuat daripada barangan berasaskan logam (tembaga, perak dan emas), manik dan cangkerang kima dan tulang haiwan. Selain itu, bahan organik seperti rotan dan *tigiw* (dalai) juga sering digunakan. Berdasarkan pengalaman memakai busana tradisional kinaling yang lengkap, Norlina Molinka menjelaskan bahawa berat busana bersama aksesori lengkap boleh melebihi 5kg dan mencapai sehingga 10kg bergantung kepada bahan aksesori (Foto 3) yang digunakan. Jadual 1 menunjukkan aksesori yang digunakan semasa pemakaian *sabung kinaling*.

PERBINCANGAN

Busana merupakan objek budaya yang estetika serta berperanan sebagai tanda pengenalan identiti sesuatu bangsa. *Sabung kinaling* mempunyai ciri khas yang harus diikuti sejak dari pemotongan kain sehingga proses *mogodorumat* (menyulam). Proses pemotongan kain adalah ringkas dan boleh dilakukan dengan hanya menggunakan sebilah pisau yang tajam yang dikenali sebagai *pe'es* (Ayunan, 2022). Perkara tersebut menunjukkan bahawa pembuatan busana *kinaling* adalah mudah hanya bergantung kepada keupayaan dan kreativiti.



Foto 3 Gambar aksesori tambahan busana *kinaling*

Sumber: Gambar Koleksi Penulis

Jadual 1 Aksesori tambahan untuk sabung *kinaling*

HIASAN	KEGUNAAN
<i>Timbok</i> (cucuk sanggul)	Biasanya pemakaian cucuk sanggul adalah secara berpasangan (dua buah cucuk sanggul). <i>Timbok</i> diperbuat daripada sulaman manik yang panjang dan diikat pada tulang <i>pangayam</i> (haiwan) terpilih (biasanya bahagian tulang paha dan rahang lembu atau rusa) yang telah dibentuk menjadi stik panjang. Kini, stik tersebut diperbuat daripada kayu, logam atau plastik. Cara pemakaian, stik berkenaan dicucuk pada kedua belah tepi sanggul, kemudiannya sulaman manik yang panjang tersebut dililitkan pada sanggul rambut pemakai.
<i>Tanting-anting / Simbong</i> (anting-anting)	Hiasan telinga wanita masyarakat Kimaragang dikenali sebagai <i>liningkong</i> dan <i>soputung</i> . <i>Liningkong</i> adalah gegelung logam terpilih tertutamanya dari tembaga atau perak. Manakala <i>soputung</i> pula anting-anting berbentuk bulat yang diperbuat daripada emas atau tembaga.
<i>Nundalo & Kininsor</i>	Hiasan pada bahagian leher wanita. <i>Nundalo</i> merujuk kepada bentuk rantai manik berkenaan yang berbentuk seperti jala (<i>Tudalo</i>). <i>Kininsor</i> pula adalah rantai manik pendek yang disulam dan dipakai secara melekat pada leher.
<i>Sinogoloi</i>	Hiasan pada bahagian pinggang dan punggung wanita. <i>Sinogoloi</i> diperbuat daripada gelungan (<i>spring</i>) tembaga bersaiz halus yang panjang. Terdapat juga <i>sinogoloi</i> diperbuat daripada manik dan tumbuhan yang dikenali sebagai <i>taboi</i> (diperbuat rotan) dan buah <i>tigiw</i> (dalai). Selain berperanan sebagai hiasan ia juga berfungsi sebagai tali pinggang iaitu mengelakkan <i>tapi</i> daripada jatuh atau terlondeh.
<i>Sulow</i>	Gelang tangan yang diperbuat daripada cangkerang kima.
<i>Lungkaki</i>	Gelang kaki yang diperbuat daripada tembaga.

Hasil analisis kajian, busana lama bersifat lebih ringkas dan hanya memaparkan corak tertentu sahaja. Busana moden juga bersifat ringkas dan segar dengan sedikit pengubahsuaian. Jadual 2 menunjukkan perbandingan sabung *kinaling* yang dihasilkan iaitu busana berusia lebih daripada 70 tahun, lebih daripada 20 tahun dan busana *kinaling* masakini. Terdapat satu fasa transisi *sabung kinaling* lama kepada yang moden yang menimbulkan banyak teladan kepada pembuat busana kebudayaan Kimaragang tersebut. Fasa transisi tersebut berlaku apabila pewaris busana lama (*sabung kinaling* berusia lebih daripada 70 tahun) memberikan nafas baharu dengan menambah hiasan labuci (*tontilas*) dan sulaman motif tambahan. Akibatnya, busana lama mengalami kerosakan apabila labuci tersebut dibuka. Kegairahan menghasilkan sabung *kinaling* dalam masa yang singkat maka pembuat *kinaling* menggunakan labuci sepenuhnya telah memberikan impak yang

sangat besar terhadap pembuatan busana tradisi kerana busana yang dihasilkan cepat rosak dan mudah lusuh. Bagi mengurangkan kos, sebahagian busana yang telah rosak diambil bahagian-bahagian tertentu seperti bahagia *lo'op* dan *tombuku* untuk digunakan pada busana yang lain.

Jadual 2 Corak dan motif asas pada busana Kinaling

Busana lebih 70 tahun	Busana lebih 20 tahun	Busana terkini
Ringkas, kemas dan menarik.	Penggunaan labuci (<i>tontilas</i>)- mudah rosak.	Kemas, menarik dan sulaman tangan sepenuhnya.
Memaparkan ragam hias tertentu sahaja dan sulaman tangan sepenuhnya.	Pelbagai corak tambahar menyebabkan hiasan terlalu padat.	Motif tambahan - selektif dan atas permintaan pemakai.
Sulaman <i>tawak</i> hanya pada bahagian belakang.	<i>Tapi</i> singkat (<i>mini skrit</i>)	Sulaman <i>tawak</i> pada bahagian hadapan dan belakang.
<i>Tapi</i> - Hiasan pada bahagian bawah lutut.		Hiasan <i>tapi</i> pada bahagian (atas) paha dan Panjang sehingga <i>tampangil</i> .
Menggunakan <i>tapi</i> jenis kain lepas dan panjang sehingga <i>tampangil</i> .		

Belajar dari kesilapan, kesedaran para penggiat busana kebudayaan bahawa sulaman tangan sepenuhnya dalam menghasilkan *sabung kinaling* adalah karya yang terbaik. Penggunaan labuci sudah tidak popular dan terhad kepada beberapa pasang *sabung kinaling* sahaja. Penggunaan mesin jahit sulam tidak dapat menandingi hasil sulaman tangan kerana hasil sulaman mesin bersifat kaku dan tidak mempunyai aura seperti sulaman tangan (Juliah Inotol, 2022; Norlina Molinka, 2022). Walaupun memakan masa yang panjang, sulaman tangan dipraktikan semula dalam menghasilkan busana *kinaling*. Sulaman tangan adalah karya eksklusif kerana setiap *sabung kinaling* yang dihasilkan adalah berbeza dan bersifat individualistik. Hasil sulaman pada busana *kinaling* moden juga bertambah kemas kerana penggunaan benang yang bermutu tinggi dan kreatif kerana ilmu serta pengalaman.

Antara sulaman (*dorumat*) yang digunakan adalah seperti *chain stitch*, *herringbone stitch*, *chervon stitch*, *fly stitch*, *cross stitch*, *satin stitch*, *feather stitch* (Batchelor & Larkin, 2020). Sulaman asas tersebut divariasikan mengikut kreativiti si penyulam bagi menghasilkan corak yang cantik dan menawan seperti *dorumat sinonginan*, *sinandapak*, *binurunsi*, *ginorudaan* (*linimpadang*) dan *rinoon parai* menjadi pilihan utama (Juliah Inotol, 2022).

Ragam hias dan dekorasi pada *sabung kinaling* adalah berpola (*pattern*) dan terdapat ciri-ciri tertentu yang harus dititikberatkan agar busana yang dihasilkan boleh diklasifikasikan sebagai *sabung kinaling*. Foto 4 merupakan ragam hias atau corak asas yang perlu ada pada *sabung kinaling* seperti corak *sinopilang*, *romut/piromutan*, *tawak*, *tombuku*, *dinorumat*, *lo'op* dan *rombituon/korimbutuon* (Jadual 3). Corak asas atau motif asas sudah cukup untuk mencantikkan busana *kinaling*. Walau bagaimanapun, penambahan corak atau motif tambahan adalah bergantung kepada kehendak si pemakai. Biasanya, pemilihan corak tambahan adalah merujuk kepada personaliti dan gaya hidup si pemakai seperti berkaitan dengan hobi dan pekerjaan. Namun hiasan yang berlebihan menyebabkan busana tersebut kurang menarik kerana terlalu padat dengan sulaman. Antara motif yang sering digunakan adalah bunga, padi dan paku pakis.




Foto 4 Corak dan motif asas yang terdapat pada *sabung kinaling*
Sumber: Gambar Koleksi Penulis

Jadual 3 Corak dan motif asas pada busana *kinaling*

Nama Corak/ motif	Penerangan	Kedudukan/ Lokasi	Catatan
<i>Sinopilang</i>	Simbolik kepada dua helai selendang yang diletakkan dari belakang ke hadapan (berbentuk X) iaitu lambang kemuliaan kepada si pemakai dan melengkapkan pakaian.	Belakang busana hingga ke bahagian hadapan.	Kesemua busana <i>kinaling</i> tersebut mempunyai corak ini kecuali busana bernombor 1 dan 3 kerana rosak akibat penggunaan labuci.
<i>Piniromutan/ Romut</i>	Merupakan pertemuan setiap hujung kain <i>suda</i> dan <i>koyuan</i> . Ia merupakan titik penting dan jahitan harus kukuh.	Bahagian sisi busana	Kesemua mempunyai corak/motif tersebut.
<i>Tawak</i>	Sulaman yang melingkar seperti tali pinggang di bahagian pinggang. Kinaling berusia lebih daripada 50 tahun hanya mempunyai sulaman di pinggang di bahagian belakang sahaja.	Bahagian pinggang busana	Kesemua busana <i>kinaling</i> tersebut mempunyai corak ini. Busana bernombor 1, 2 dan 3 hanya mempunyai corak pada bahagian belakang busana sahaja.
<i>Tombuku</i>	Butang berwarna putih yang disusun pada bahagian dada. <i>Tombuku</i> diletakkan di bawah leher (dua pasang) dan bawah bahagian dada. Biasanya tombuku pada bahagian bawah dada berpasangan secara angka ganjil iaitu lima, tujuh dan sembilan. Keunikannya, <i>tombuku</i> tersebut dibutangkan menggunakan selaras benang yang dipintal menjadi tali (<i>sinaritali</i>) yang dililit pada butang berkenaan.	Bahagian hadapan dada.	Kesemua mempunyai corak/motif tersebut.
<i>Korimbituan/ Romituan</i>	Sepasang <i>rombituan</i> (bintang) merupakan motif hasil daripada kombinasi bintang dan kelopak bunga yang terletak di bahagian dada busana. Kebanyakan busana lama masih mengekalkan ciri tersebut.	Bahagian dada busana dan berada di bawah <i>sinopilang</i> .	Busana bernombor 1, 2, 3 dan beberapa sahaja yang mempunyai motif tersebut. Busana nombor 1 motif <i>rombituan</i> tersebut telan dibuka.
<i>Dinorumat</i>	Bertindak sebagai jahitan kelim pada setiap pertemuan kain (sebagai jahitan untuk mengukuhkan pertemuan setiap helai kain). Pada masa yang sama ia juga merupakan kemas (hiasan).	Tepi kain <i>suda</i> .	Kesemua mempunyai corak/motif tersebut.
<i>Lo'op</i>	Kemas tepi kain atau <i>binding</i> . Ia berfungsi dua dalam satu iaitu sebagai merapikan tepi kain agar benang tidak mudah terlepas dan sebagai hiasan pada busana <i>kinaling</i> . Kain yang digunakan adalah kain berwarna merah dan putih. <i>Lo'op</i> pada bahagian bawah busana kinaling dikenali sebagai <i>linikuw suda</i> (merujuk kepada bentuk ekor ikan).	Bahagian hujung kain pada leher, tangan dan bawah busana.	Kesemua busana mempunyai ciri tersebut. Bagaimanapun terdapat busana terdahulu yang telan dibuka pada bahagian <i>linikuw suda</i> kerana kain tersebut digunakan oleh <i>kinaling</i> yang lain.

Sabung kinaling dipadankan dengan *skirt (tapi)* berwarna hitam bercorak ringkas yang panjang menutupi buku lali (*tampangil*). Ragam hias *tapi* lama dan *tapi* moden adalah sangat berbeza dari segi susun atur corak. Sehelai *tapi* lama yang telah mencecah usia lebih daripada 60 tahun mempunyai hiasan horizontal pada bahagian pertengahan betis (Foto 5). Hiasan horizontal berkenaan diubah kedudukan iaitu diletakkan pada pertengahan bahagian paha pemakai (pada masa sekarang) bagi mengelakkan *tapi* kelihatan kosong jika dipakai tanpa aksesori terutamanya aksesori pada bahagian pinggang iaitu *sinogoloi* (Ayunan Pangi, 2022). Pertemuan hiasan vertikal dan horizontal biasanya ditambah dengan motif bunga atau spiral (paku pakis). Pada bahagian bawah kain pula, *giring* (lonceng tembaga kecil) digantung sebagai hiasan dan memberikan kemeriahan dan keceriaan kepada si pemakai dan masyarakat disekelilingnya. Kelebihan *tapi* moden adalah mudah dipakai dan lebih kukuh kerana penggunaan zip dan cangkuk pada bahagian pinggang (Foto 6).



Foto 5 Perbezaan busana *kinaling* yang dipasangkan dengan *tapi* tanpa aksesori
Sumber: Gambar Koleksi Penulis



Foto 6 Perbezaan *tapi* dahulu dan sekarang

Sumber: Gambar Koleksi Penulis

Pemilihan aksesori tambahan dalam pemakaian *sabung kinaling* adalah bergantung kepada taraf ekonomi si pemakai. Jika seseorang tersebut berkemampuan dari segi ekonomi maka aksesori pilihan adalah berasaskan logam dan jika kurang berkemampuan pemilihan aksesori daripada bahan organik (tumbuhan) (Juliah Inotol, 2022). Walau demikian, dewasa ini, pemilihan aksesori tidak lagi ditentukan oleh taraf ekonomi masyarakat tetapi berdasarkan kebolehcapaian terhadap aksesori berkenaan. Kekurangan golongan yang pandai dalam menghasilkan aksesori berasaskan logam adalah penyebab utama masyarakat mengambil inisiatif lain seperti menggunakan manik sebagai perhiasan.

KESIMPULAN

Busana *kinaling* merupakan busana turun temurun dalam masyarakat Dusun Kimaragang. Busana berkenaan merupakan busana yang ringkas tetapi menawan dan membuatkan si pemakai menjadi perhatian kerana keunikan dan aura busana tersebut. Selain sebagai tanda pengenalan bangsa, nilai estetika *sabung kinaling* terletak pada ragam hias dan motif asas pada busana

berkenaan. Pakaian yang dihasilkan adalah saling berhubungan dengan alam semulajadi, adat dan kepercayaan, cara hidup serta daya pemikiran masyarakat pada masa itu. Walaupun perkembangan teknologi dan fesyen semakin moden namun, ciri-ciri reka bentuk busana harus dipertahankan mengikut rekaan yang asal iaitu reka bentuk yang bernilai tradisi. Oleh yang demikian, ilmu dalam pembuatan busana tradisional perlu diwariskan kepada generasi muda sebagai langkah terbaik untuk mengelakkan daripada busana berkenaan pupus ditelan zaman. Budaya melambangkan bangsa, tanpa budaya matilah bangsa.

RUJUKAN

- Asliza Aris. (2015). Refleksi Islam dalam pakaian tradisional Melayu: Baju kurung. *Prosiding ICOMHAC 2015*, 16-17 Disember 2015, Pulau Langkawi, 306-317.
- Batchelor, J., & Larkin, A. (2020). Jane Austen Embroidery: *Regency patterns reimagined for modern stitchers*. Dover: Dover Publications.
- Benedict Topin. (1996). *Sharing on Kadazandusun culture*. Kota Kinabalu: KDCA.
- Berita RTM. (20 Ogos 2023). *Berita wilayah* [video] <https://www.youtube.com/watch?v=8HroasGjKl0>
- Damilan, M. (2018). Aki Tumunda: Tokoh masyarakat Dusun Kimaragang di Kota Marudu dari sudut Sejarah Lisan. *Jurnal Borneo Arkhailogia (Heritage, Archaeology and History)*, 1, 1-10.
- Denis, J. Sading & Siti Aminah Roslan. (2019). *Iventori budaya etnik Sabah: Etnik Kimaragang*. Lembaga Kebudayaan Sabah: Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah, Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar.
- Forth, G., & Hoskin, J. (1998). Headhunting and the social imagination in Southeast Asia. *Anthropologica*, 40(1), 135.
- Jusilin, H., & Kindoyop, S. (2016). Reka bentuk dan hiasan linangkit pada pakaian tradisional Dusun Lotud di Tuaran. *Jurnal Gendang Alam*, 5, 39-61.
- Juslin, H., Ismail Ibrahim & A.Y.Y. Toeu. (2019). *Warisan busana Murut: Corak dan motif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- J. Pugh-Kitingan. (2015). Cultural and religious diversity in Sabah and relationship with surrounding areas. *Islam and Cultural Diversity in Southeast Asia*, 269-294.
- Kroger, Paul. (2005) Kimaragang. Dalam Alexander Adelaar & Nikolaus Himmelman (Peny.), *The Austronesian languages of Asia and Madagascar*, London & New York: Routledge, 397- 428.
- Lee, L. S. G., & Pagayan, V., Kordmodanlou, D. (2022) Kimaragang folklore game app development: 'E' Gandung. *Journal of Management Information and Decision Sciences*, 25(1) 1-13.

- Maun, M., & Uqbah Iqbal. The history of Dusun Kimaragang Tribe. *Intellectual Property Rights: Open access* 4: 158.
- N. U. Vipriyanti. (2008). Banjar adat and local wisdom: Community management for public space sustainability in Bali Province. *IASC 2008 12th Binneal Conference*, July 14-18, 2008.
- Shim, P.S. (2007). *Inland people of Sabah: Before, during and after Nunuk Ragang*, Borneo Cultural Heritage Publisher.
- Rahim Affandi Abd. Rahim, Ruzman md. Nor, Nor Hayati Md Dahlal & Norafifah abd Hamid. (2013). Islam dan kearifan tempatan di alam Melayu: Analisis Kritikal. *Jati*, 18: 223-245.
- Shukri Ahmad. (2002). Konsep Tamadun dan ciri-ciri ke arah pembangunannya. Dalam Ab. Rahman Khudzri Wan Abdullah, Munif Zarirruddin Fikri Nordin & Solahuddin Ismail (peny.), *Tamadun Islam: Satu sorotan*, PTS Publications: University of Michigan, 1-20.
- Sabah Media. (20 Ogos 2023). *Rumah budaya kaum Kimaragang bakal dibina di Pitas*, <https://sabahmedia.com/2023/08/20/rumah-budaya-kaum-kimaragang-bakal-dibina-di-pitas/>
- Victor B. Pangayan, & A.S. Hardy Shafii. (2021, June 30). Ethnic minorities in borneo: The Kimaragang people. *Jurnal Gendang Alam (GA)*. <https://doi.org/10.51200/ga.vi.3295>
- Saimin Ginsari. (2022). *Sejarah migrasi Dusun di Sabah*, Institut Perguruan Kampus Kent: Tuaran, Sabah.
- Victor B. Pangayan, A.S Hardy Shafii, & L.K On. (2018). Meanings and symbols in the decorative motifs and patterns of Sinudot and Lapoi of the Kimaragang's costume. *Proceeding of 3rd International Conference on Creative Media, Design and Technology (REKA 2018)*, 44-49.
- Victor B. Pangayan. (2016). Kostum tradisional Dusun Kimaragang di Sabah: Analisis unsur perubahan dan kearifan tempatan. *Proceeding of 6th Conferencie on Local Knowledge 2016 (ICLK): Local Wisdom: Universal Heritage*, 242-246.
- Victor B. Pangayan. (2014). Tarian Pinakang etnik Kimargang: Konteks persembahan dan perubahan kostum. Universiti Malaysia Sabah (UMS), Kota Kinabalu, Sabah.
- Yoon, P. L., (2018). Ciri Estetika dalam reka bentuk dan motif pakaian tradisional golongan perempuan etnik Rungus di Kudat. *Jurnal Gendang Alam*, 8, 69-84.
- Ayunan Pangi. (73 tahun). bekas penggiat busana kebudayaan Kimaragang dan pemilik busana *kinaling* lama di Kampung Salimpodon Darat, Pitas, 23 Julai 2022.
- Juliah Inotol. (65 tahun). Penggiat busana kebudayaan Kimaragang di Kampung Salimpodon Darat, Pitas, 25 Julai 2022.
- Jurika Inotol. (45 tahun). Penggiat busana kebudayaan Kimaragang di Kampung Salimpodon Darat, Pitas, 26 Julai 2022.
- Norlina Molinka. (41 tahun). Penggiat busana kebudayaan Kimaragang di Kampung Salimpodon Darat, Pitas, 27 Julai 2022.

- Odu Unun Buang. (94 tahun). Bekas Bobolian dan bidan kampung sejak 1940an di Mempakad - Salimpodon, Pitas dan kawasan sekitarnya, 2 Jun 2023.
- Azrul Affendy Sobry. (2012, January 20). Kimaragang Teguh Pertahankan Seni Budaya. *Berita Harian*, 8–9.
- Kurz, J. L. (2018, July 15). Making history in Borneo: Ong Sum Ping and his others during the Late Yuan and Early Ming Dynasties. *International Journal of Asia Pacific Studies*, 14(2), 79–104.